

# The Observer

**19.11.2021**

***Surat berita mingguan, The Observer kini tersedia dalam Bahasa Melayu. Versi terjemahan akan dimuat naik pada setiap hari Isnin. Sila layari [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my) untuk maklumat lanjut.***

***Ikuti juga akaun Twitter MSWG di @MSWGMalaysia dan kongsikan pendapat anda tentang ciapan kami dari semasa ke semasa.***

## ❖ **Kesilapan luar biasa Inix sewaktu penyerahan laporan tahunan**

Kejadian salah komunikasi yang meragukan antara Inix Technologies Holdings Berhad dan juruaudit syarikat yang menimbulkan andaian yang salah iaitu sama ada juruaudit wajib menandatangani penyata kewangan beraudit atau sebaliknya, perlu dijadikan pengajaran berharga kepada semua syarikat awam tersenarai.

Secara ringkas, Inix telah mengemukakan laporan tahunannya untuk tahun kewangan berakhir 30 Jun 2021 (tahun kewangan 2021) pada 8 November 2021, tetapi hanya mengumumkan yang mereka menarik balik laporan tahunan tersebut pada 11 November kerana juruaudit syarikat, SBY Partners PLT belum menandatangani Penyata Kewangan Beraudit untuk tahun kewangan 2021.

Oleh yang demikian, pelabur dinasihatkan supaya tidak merujuk kepada Laporan Tahunan 2021 yang dimuat naik pada 8 November 2021. Menurut Inix, ia menyasarkan untuk memuat naik Laporan Tahunan 2021 versi muktamad yang sudah ditandatangan selewat-lewatnya 12 November.

Walau bagaimanapun, sehari kemudian, Inix mengumumkan bahawa syarikat masih belum memuat naik Laporan Tahunan 2021 versi muktamad yang sudah ditandatangan pada hari yang ditetapkan kerana juruaudit masih belum menandatangani penyata kewangan diaudit bagi tahun kewangan 2021. Oleh yang demikian, syarikat terlepas tarikh akhir yang disasarkan untuk memuat naik Laporan Tahunan 2021.

Menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Bursa Malaysia, pada 15 November, Inix menjelaskan bahawa kelewatan menandatangani penyata kewangan diaudit adalah disebabkan siasatan lanjut daripada juruaudit yang dikemukakan daripada Kajian Kawalan Kualiti Penglibatan mereka, yang mana butirannya tidak didedahkan kepada pengurusan Inix sebelum ini.

Apabila ditanyakan alasan syarikat meneruskan untuk memuat naik/ mengemukakan Laporan Tahunan 2021 pada 8 November sebelum ditandatangan oleh juruauditnya, Inix menjelaskan ia bertanggapan bahawa laporan tahunan terkini syarikat sudah

boleh dikemukakan kepada Bursa Malaysia selepas rakan kongsi audit daripada SBY Partners PLT memaklumkan Inix bahawa mereka sudah boleh mencetak dan menerbitkan penyata kewangannya.

Syarikat bagaimanapun berkata salinan muktamad Laporan Tahunan 2021 akan dimuat naik pada 15 November.

Sebagai makluman, dagangan saham INIX telah digantung bermula 15 November berikutan kegagalan matuhui tarikh akhir yang disasarkan pada 12 November untuk menerbitkan laporan tahunan yang telah ditandatangan.

Penggantungan dagangan telah ditarik balik pada 17 November selepas INIX mengemukakan Laporan Tahunan 2021 pada 16 November.

Kesilapan ini telah menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pemegang saham dan menjelaskan keyakinan pelabur terhadap lembaga pengarah dan pengurusan Syarikat. Pemegang saham minoriti mungkin telah membuat keputusan pelaburan berdasarkan penyata kewangan diaudit yang belum ditandatangan kerana menyangka ia sudah ditandatangan.

❖ **Siasatan aktiviti pasaran luar biasa ke atas MGRC selepas harga sahamnya merudum**

Selalunya Bursa Malaysia akan mengemukakan siasatan terhadap aktiviti pasaran luar biasa (UMA) jika harga saham penerbit tersenarai melambung tinggi atau apabila volumnya meningkat secara eksponen. Namun pengawal selia pasaran itu juga boleh melakukan sebaliknya seperti yang berlaku kepada Malaysian Genomics Resources Centre Bhd (MGRC) yang tersenarai di Pasaran ACE baru-baru ini.

Pengendali salah sebuah pusat pengiraan bio genomik terbesar di rantau ini telah dikemukakan siasatan UMA pada 8 November apabila harga sahamnya menjunam 56 sen atau 28% kepada paras intra-hari terendah RM1.44 sebelum menyelaraskan kerugian apabila ditutup pada RM1.64. Harga sahamnya masih turun 36 sen atau 18% dengan 18.3 juta saham bertukar tangan pada penutupan dagangan.

Dalam maklum balasnya terhadap siasatan UMA, MGRC berkata ia tidak mengetahui apa-apa laporan perkembangan korporat atau khabar angin mengenai perniagaan dan hal ehwal kumpulan yang mungkin memberi kesan terhadap pergerakan harga sahamnya, kecuali pelantikan dua pengarah bebas bukan eksekutif baharu iaitu Wong Yew Sen dan Dr. Khoo Boo Boon, serta pengumuman pemerolehan saham oleh pemegang saham utama.

**Kemunculan semula pemegang saham utama**

Sebelum MGRC menerima siasatan UMA daripada Bursa Securities, pasaran menyaksikan kemunculan semula Pixelvest Sdn Bhd sebagai pemegang saham utama MGRC pada 3 November, yang menambah pegangannya dalam MGRC kepada 5.378% selepas memperoleh 550,000 saham dalam pasaran terbuka.

Sebelum ini pada 9 September, Pixelvest telah menjual 1.5 juta sahamnya dalam MGRC dalam pasaran terbuka, menyebabkan mereka bukan lagi pemegang saham utama MGRC pada hari berikutnya iaitu 10 September.

Kemunculan semula Pixelvest menyebabkan I Concept Global Growth Fund bukan lagi pemegang saham utama MGRC selepas syarikat tersebut melupuskan 4.69 juta saham dalam MGRC pada 1 dan 2 November melalui pasaran terbuka.

Berikutan itu, Pixelvest terus mengumpul saham dalam MGRC dengan jumlah pegangan 6.55% pada 18 November.

Dalam pemfailan kepada bursa saham bertarikh 1 November, MGRC berkata ia kekal sebagai syarikat tersenarai yang terjejas di bawah Peraturan 8.03A Syarat-syarat Penyenaraian Pasaran ACE berikutan pelupusan Kumpulan MPath pada Disember 2019 dengan harga RM42 juta.

"Syarikat mempunyai tempoh kira-kira dua bulan sehingga 23 Disember 2021 untuk menyerahkan pelan penyusunan semula kepada pihak berkuasa berkaitan untuk kelulusan dan akan membuat pengumuman lanjut mengenai apa-apa perkembangan terkini," kata MGRC.

Dari segi kewangan, MGRC merekodkan keputusan yang tidak memberangsangkan dalam tahun kewangan berakhir 30 Jun 2021, dengan kerugian bersih RM4.29 juta (tahun kewangan 2020: keuntungan bersih RM17.1 juta). Ini adalah disebabkan oleh pengiktirafan keuntungan daripada operasi yang dihentikan berjumlah RM23.34 juta pada tahun kewangan yang lepas.

MGRC merekodkan pendapatan berjumlah RM1.78 juta, meningkat daripada RM951,000 dalam tempoh yang sama sebelum ini. Sebahagian besar pendapatan syarikat berpunca daripada penyahiktirafan kemajuan perkhidmatan analisis dan penjuzzukan genom.

Setakat ini, harga saham MGRC telah meningkat 167% daripada RM1.02 pada 4 Januari kepada paras tertinggi sepanjang masa iaitu RM2.72 pada 29 Oktober, sebelum merudum pada 8 November.

**Devanesan Evanson**  
**Ketua Pegawai Eksekutif**

---

**Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 22 hingga 26 November 2021**

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
-----------------	----------	------------------

22.11.21 (Isnin) 10.00 pagi	Yong Tai Bhd (AGM)	Pendapatan Kumpulan meningkat semula kepada RM114.3 juta pada tahun kewangan 2021 (tahun kewangan 2020: RM42.6 juta) sebahagian besarnya disebabkan oleh lanjutan kemajuan kerja untuk projek pembangunan hartanahnya. Kumpulan mencatatkan kerugian bersih RM8.3 juta disebabkan perbelanjaan bukan operasi seperti susut nilai bangunan teater, pelunasan aset tidak ketara dan kos kewangan yang ditanggung.
22.11.21 (Isnin) 10.00 pagi	Bintai Kinden Corporation Bhd (EGM)	<p>Mesyuarat agung luar biasa ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Cadangan perolehan kesemua kepentingan ekuiti dalam Johnson Medical International Sdn Bhd dengan harga RM50 juta yang dibayar melalui gabungan pembayaran tunai dan terbitan saham baharu.</li> <li>- Cadangan kepelbagaian perniagaan iaitu dengan merangkumi segmen pembangunan hartanah dan pengurusan hartanah.</li> <li>- Cadangan penempatan persendirian sehingga 114.57 juta saham baharu yang mewakili 30% daripada saham biasa sedia ada yang diterbitkan kepada pelabur bebas.</li> <li>- Cadangan menerbitkan sehingga 190.95 juta saham keutamaan boleh tukar boleh tebus dalam Bintai kepada OUD Asset Management Sdn Bhd</li> </ul>

		<p>pada harga terbitan RM0.10 bagi setiap saham.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Cadangan untuk meminda perlumbagaan Bintai bagi memudahkan cadangan menerbitkan saham keutamaan boleh tukar boleh tebus.</li> </ul>
23.11.21 (Selasa) 10.30 pagi	LFE Corporation Bhd (EGM)	Mesyuarat agung luar biasa ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk cadangan mempelbagaikan aktiviti utama LFE yang sedia ada dengan memasukkan pembangunan harta tanah.
24.11.21 (Rabu) 10.00 pagi	Awanbiru Technology Bhd (AGM)	Pendapatan Kumpulan menyusut 31.4% tahun ke tahun kepada RM104.9 juta (tahun kewangan 2020: RM152.9 juta). Dua penyebab utama penurunan ini adalah luputnya Perjanjian Pelesenan Induk dengan kerajaan Malaysia dan pemberhentian keahlian dalam Rangkaian Rakan Kongsi Microsoft yang berkuat kuasa pada 31 Januari 2021. Walau bagaimanapun, Kumpulan mencatatkan keuntungan selepas cukai berjumlah RM9.3 juta (tahun kewangan 2020: kerugian selepas cukai RM18.0 juta), sebahagian besarnya disebabkan oleh keuntungan sekali sahaja yang diperoleh daripada pelupusan sebuah anak syarikat.
24.11.21 (Rabu) 10.30 pagi	Green Ocean Corporation Bhd (AGM)	Pendapatan Green Ocean menyusut 83.7% kepada RM36.3 juta pada tahun kewangan 2021 berbanding tempoh kewangan berakhir 2020, disebabkan strategi Kumpulan untuk menghadkan aktiviti perdagangan produk minyak sawit bagi mengurangkan

		<p>pendedahan terhadap risiko yang tidak menentu akibat pandemik Covid-19. Ia mencatatkan kerugian sebelum cukai berjumlah RM12.5 juta pada tahun kewangan 2021 (tempoh kewangan berakhir 2020: RM11.4 juta), sebahagian besarnya disebabkan oleh perbelanjaan berkaitan saham untuk skim opsyen saham pekerja (ESOS) dan peruntukan kerugian rosot nilai ke atas penghutang perdagangan.</p> <p>Kumpulan telah mendapat kelulusan pemegang saham pada Oktober 2020 untuk menceburi perniagaan sarung tangan dan merancang untuk menyediakan 12 barisan pengeluaran secara berperingkat dalam tempoh 36 bulan.</p>
25.11.21 (Khamis) 10.00 pagi	Sern Kou Resources Bhd (AGM)	Sern Kou mencatatkan pendapatan paling tinggi sepanjang masa berjumlah RM324.7 juta dan keuntungan bersih RM17.6 juta untuk tahun kewangan berakhir 2021, walaupun kehadiran pandemik Covid-19 menjelaskan prestasi banyak syarikat. Melangkah ke hadapan, keupayaan Syarikat untuk meneroka pasaran eksport baharu akan menjadi faktor penting dalam meningkatkan prestasinya untuk tahun kewangan berakhir 2022.
25.11.21 (Khamis) 10.00 pagi	Titijaya Land Bhd (AGM)	Pengiktirafan penurunan nilai inventori menyebabkan Titijaya merekodkan kerugian bersih bagi tahun kewangan berakhir 2021 berjumlah RM14.0 juta berbanding

		keuntungan bersih RM2.1 juta pada tahun kewangan 2020.
25.11.21 (Khamis) 10.00 pagi	Malton Bhd (AGM)	<p>Malton mencatatkan pendapatan berjumlah RM999.2 juta (tahun kewangan 2020: RM1,809.0 juta). Penyusutan pendapatan sebahagian besarnya disebabkan oleh pengebilan yang lebih rendah daripada bahagian Pembangunan Hartanah disebabkan projek pusat belibelah Pavilion Bukit Jalil, Villa 22 dan The Park 2 berada di peringkat hampir siap pada penghujung tahun kewangan semasa.</p> <p>Oleh yang demikian, Kumpulan mencatatkan keuntungan sebelum cukai bagi tahun kewangan semasa berjumlah RM22.6 juta (tahun kewangan 2020: RM51.6 juta).</p>
25.11.21 (Khamis) 10.00 pagi	AWC Bhd (AGM)	Berbekalkan tempahan pesanan berjumlah RM862 juta pada 30 Jun 2021, AWC berhasrat untuk mencapai pertumbuhan yang stabil dan mampan. Kontrak yang baru diperoleh serta pembaharuan kontrak untuk projek sedia ada dijangka menyumbang secara positif kepada prestasi AWC di masa hadapan.
25.11.21 (Khamis) 10.00 pagi	Pestech International Bhd (AGM)	Pada tahun kewangan 2021, Pestech mencatatkan pendapatan kumpulan paling tinggi pernah dicapai iaitu RM889.4 juta, melonjak 12% berbanding tahun lepas. Ia disebabkan oleh kemajuan yang teguh pada tahap-tahap projek dalam tahun kewangan 2021. Lonjakan pendapatan ini membolehkan kumpulan menikmati keuntungan bersih

		<p>yang lebih tinggi iaitu RM66.2 juta berbanding RM51.4 juta pada tahun kewangan 2020.</p> <p>Tanpa mengambil kira kesan negatif akibat pandemik Covid-19, Pestech yakin dapat mengekalkan trend prestasi kewangan yang positif, disokong oleh jumlah terkumpul dalam tempahan pesanan Kumpulan sebanyak RM1.76 bilion.</p>
25.11.21 (Khamis) 11.30 pagi	Pestech International Bhd (EGM)	Mesyuarat agung luar biasa ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi cadangan terbitan bonus 191.07 juta saham biasa baharu dalam Pestech berdasarkan dua saham bonus bagi setiap lapan saham Pestech sedia ada yang dipegang.
25.11.21 (Khamis) 11.00 pagi	Inari Amertron Bhd (AGM)	<p>Pendapatan Inari meningkat 35% tahun ke tahun kepada RM1.43 bilion (2020: RM1.06 bilion) yang merupakan pendapatan tertinggi pernah direkodkan sejak penyenaraiananya di Bursa Malaysia pada tahun 2011. Ia juga mencatatkan keuntungan bersih paling tinggi dalam sejarah iaitu RM330.7 juta, dengan peningkatan ketara sebanyak 111.4% tahun ke tahun berbanding RM156.4 juta yang direkodkan pada tahun kewangan sebelumnya.</p> <p>Prestasi yang membanggakan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh permintaan yang kukuh dalam segmen perniagaan frekuensi radio (RF) serta kecekapan kos dan peningkatan produktiviti dalam operasinya.</p>
26.11.21 (Jumaat) 10.00 pagi	Padini Holdings Bhd (AGM)	Padini mencatatkan pendapatan berjumlah

		RM1.03 bilion pada tahun kewangan 2021, menyusut 24% berbanding RM1.35 bilion pada tahun kewangan 2020. Disebabkan itu, keuntungan bersih juga menyusut 28.1% kepada RM54.1 juta pada tahun kewangan 2021, sebahagian besarnya disebabkan oleh kesan negatif akibat pandemik Covid-19 yang menyebabkan pelbagai sekatan dan kawalan pergerakan. Operasi domestik kekal menjadi pemacu utama pendapatan dan keuntungan dalam keadaan yang tidak menentu disebabkan pandemik, justeru syarikat menjangkakan prospek ekonomi Malaysia bagi tahun 2021 yang masih berbaki dan 2022 akan terus mencabar.
26.11.21 (Jumaat) 10.00 pagi	Jaya Tiasa Holdings Bhd (AGM)	Pendapatan Jaya Tiasa meningkat 3% tahun ke tahun kepada RM723.4 juta (tahun kewangan 2020: RM701.9 juta). Walaupun kerugian RM45.5 juta dalam lindung nilai Niaga Hadapan minyak sawit mentah, keuntungan sebelum cukai meningkat 159% kepada RM76.1 juta (2020: kerugian sebelum cukai RM129.6 juta). Pemulihan prestasi ini didorong oleh prestasi yang lebih baik daripada bahagian Kelapa Sawit berikutan kenaikan harga minyak sawit mentah, walaupun pengeluaran buah tandan segar mencatatkan penurunan sebanyak 22%.
26.11.21 (Jumaat) 10.00 pagi	Scicom (MSC) Bhd (AGM)	Scicom menyaksikan pertambahan pendapatan sebanyak 19.2% kepada RM216.2 juta, didorong oleh peningkatan pendapatan daripada pelanggan sedia ada, disebabkan jumlah

		kiraan kepala yang boleh dibilikan adalah lebih tinggi untuk operasi penyumberan luar proses perniagaan (BPO) serta tambahan perkhidmatan untuk pelanggan sedia ada. Melangkah ke hadapan, Scicom akan terus mengembangkan tawaran perkhidmatan BPOnya dengan menumpukan kepada penyediaan solusi Proses Perniagaan sebagai Perkhidmatan (BPaaS).
26.11.21 (Jumaat) 10.30 pagi	Paos Holdings Bhd (AGM)	Paos berjaya mengurangkan kedudukan kerugiannya bagi tahun kewangan berakhir 2021, walaupun secara marginal. Pandemik Covid-19 ternyata menjelaskan prestasi kewangan syarikat, namun keupayaannya untuk mendapatkan pelanggan besar di Amerika Syarikat untuk bahagian sabun pada tahun 2021 mungkin bakal menyaksikan kumpulan kembali menjana keuntungan.
26.11.21 (Jumaat) 10.30 pagi	Golden Land Bhd (AGM)	Pendapatan Golden Land meningkat 187.3% tahun ke tahun kepada RM83.9 juta (tahun kewangan 2020: RM29.2 juta), disebabkan sumbangan pendapatan yang lebih tinggi daripada segmen perladangan dan pembangunan harta tanah. Segmen pembangunan harta tanah merupakan pemacu utama kepada operasi Kumpulan dan menyumbang 78% daripada jumlah pendapatan Kumpulan, manakala segmen perladangan kelapa sawit menyumbang baki 22%. Justeru, kerugian bersih berjaya dikurangkan daripada RM21.9 juta pada

		tahun kewangan lepas kepada RM20.7 juta pada tahun kewangan 2021.
--	--	-------------------------------------------------------------------

<b>Perkara penting untuk diketengahkan:</b>	
<b>Syarikat</b>	<b>Perkara/ Isu untuk diketengahkan</b>
Yong Tai Bhd (AGM)	<p>Kumpulan sedang berada dalam tempoh percubaan klinikal Fasa III bagi vaksin Covid-19 yang tidak diaktifkan iaitu KCONVAC, yang dibangunkan oleh rakan kongsi strategiknya Shenzhen Kangtai Biological Products Co. Ltd. (Halaman 18, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Adakah percubaan klinikal sudah selesai? Bilakah Kumpulan menjangkakan untuk mula memasarkan vaksin KCONVAC?</p> <p>b) Kumpulan juga membuat permohonan untuk mendapatkan Kelulusan Pendaftaran Bersyarat ("CRA") daripada Bahagian Regulatori Farmasi Negara ("NPRA").</p> <p>Adakah Kumpulan telah mendapat kelulusan daripada NPRA? Jika tidak, bilakah ia dijangka mendapatkan kelulusan tersebut?</p> <p>c) Memandangkan populasi dewasa negara ini sudah lebih 95% divaksin sepenuhnya, masih adakah pasaran untuk vaksin KCONVAC?</p> <p>d) Apakah strategi Syarikat untuk memastikan mereka mampu menjual 10 juta dos vaksin KCONVAC setahun untuk tempoh 5 tahun?</p> <p>e) Berapakah jumlah yang dibelanjakan oleh Kumpulan untuk percubaan klinikal vaksin KCONVAC?</p>
Bintai Kinden Corporation Bhd (EGM)	<p>Harga terbitan untuk Cadangan Penempatan Persendirian sehingga 30% daripada bilangan saham terbitan Bintai sedia ada dicadangkan pada harga diskaun tidak melebihi 20% kepada 5D-VWAMP saham Bintai sejurus sebelum tarikh penetapan harga (Halaman 22, Pekeliling).</p> <p>a) Selepas mengambil kira pencairan 30% kepada pegangan saham pemegang saham sedia ada dan diskaun besar sehingga 20% bakal diberikan kepada pelabur pihak ketiga untuk Cadangan Penempatan Persendirian, adakah Cadangan ini suatu pilihan pengumpulan dana yang wajar untuk pemegang saham sedia ada?</p>

	<p>b) Bintai telah menyelesaikan dua penempatan persendirian tahun lepas (iaitu pada 28 September 2020 dan satu lagi pada 12 November 2020) (halaman iv dan 29, Pekeliling). Mengapakah pemegang saham sedia ada tidak diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam usaha Syarikat untuk mengumpul dana pada kali ini?</p>
Awanbiru Technology Bhd (AGM)	<p>Di Malaysia, Kerajaan mewajibkan 80% (anggaran nilai RM1.76 bilion) penggunaan storan awan di seluruh perkhidmatan kerajaan menjelang 2022. Perbelanjaan Awan oleh sektor awam pada 2022 dijangka sebanyak RM2.2 bilion (Halaman 15, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>a) Berhubung perkara di atas, berapakah anggaran peratusan daripada perbelanjaan Awan oleh Kerajaan yang disasarkan oleh Kumpulan pada 2022?</p> <p>b) Setakat ini, berapakah jumlah nilai tender yang dikemukakan dan dijangka akan diserahkan bagi tahun kewangan berakhir 2022?</p>
Green Ocean Corporation Bhd (AGM)	<p>1. Perbelanjaan lain telah meningkat dengan ketara kepada RM7.3 juta pada tahun kewangan 2021 (tahun kewangan 2020: RM28) (Halaman 50, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>Apakah yang menyebabkan peningkatan ketara dalam perbelanjaan lain? Sila berikan pecahan bagi perbelanjaan ini.</p> <p>2. Peruntukan kerugian rosot nilai Kumpulan ke atas penghutang perdagangan berjumlah RM7.3 juta, iaitu 79% daripada penghutang dagangan Kumpulan sebanyak RM9.2 juta pada tahun kewangan 2021 (Nota 10, Halaman 84, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>a) Siapakah pelanggan dalam senarai penghutang perdagangan yang lama tertunggak? Sila berikan butiran seperti nama pelanggan, jumlah yang perlu dibayar, tempoh tertunggak dan sebagainya.</p> <p>b) Mengapakah jumlah yang dirosot nilai begitu besar? Berapa peratuskah daripada jumlah yang dirosot nilai ini dijangka tidak dapat dipulihkan?</p> <p>c) Apakah tindakan yang diambil untuk mendapatkan semula jumlah tersebut? Berapakah jumlah penghutang perdagangan yang terjejas sudah dipulihkan setakat ini?</p>

Sern Kou Resources Bhd (AGM)	<p>Perbelanjaan Lain Syarikat meningkat dengan ketara pada tahun kewangan berakhir 2021 kepada RM1.2 juta daripada RM215k pada tahun kewangan berakhir 2020. (Halaman 73, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>Apakah yang menyebabkan peningkatan yang ketara ini?</p>
Titijaya Land Bhd (AGM)	<p>Walaupun berdepan persekitaran yang mencabar, Kumpulan telah mengiktiraf penurunan nilai inventori berjumlah RM25.2 juta termasuk pembangunan Odeon sebanyak RM20.1 juta, pembangunan Bukit Padang sebanyak RM4.0 juta dan unit siap Embun sebanyak RM1.1 juta (Halaman 16, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>Apakah prospek untuk memulihkan semula inventori yang telah diturunkan nilai? Jika ada, berapakah jangkaan jumlah pemulihan untuk inventori yang telah diturunkan nilai ini?</p>
Malton Bhd (AGM)	<p>Kumpulan merekodkan peruntukan kerugian rosot nilai bersih ke atas penghutang perdagangan dan penghutang lain sebanyak RM11.3 juta pada tahun kewangan semasa. (Halaman 15, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Mengapakah peruntukan rosot nilai ke atas penghutang perdagangan dan penghutang lain lebih tinggi pada tahun kewangan 2021?</p> <p>b) Apakah langkah yang diambil oleh Kumpulan untuk membendung peningkatan peruntukan rosot nilai ke atas penghutang perdagangan dan penghutang lain?</p> <p>c) Berapakah jumlah yang berjaya dikutip daripada penghutang perdagangan dan penghutang lain yang dirosot nilai setakat September 2021?</p>
AWC Bhd (AGM)	<p>Peruntukan kerugian rosot nilai AWC ke atas penghutang perdagangan sehingga 30 Jun 2021 berjumlah RM27.5 juta, mewakili 22.84% daripada penghutang dagangan Kumpulan yang berjumlah RM120.39 juta (Nota 13 - Penghutang Perdagangan dan Lain-lain, Halaman 135, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>a) Segmen perniagaan manakah yang terjejas oleh peruntukan kerugian rosot nilai ini?</p> <p>b) Apakah tindakan yang diambil untuk mendapatkan semula jumlah tersebut?</p> <p>c) Berapakah jumlah penghutang perdagangan yang dirosot nilai telah dipulihkan setakat ini?</p>

	d) Berapa peratuskah daripada jumlah yang dirosot nilai ini dijangka dapat dipulihkan?
Pestech International Bhd (AGM)	<p>Tempahan pesanan terkumpul Kumpulan berjumlah RM1.76 bilion pada 30 Jun 2021. Pestech akan terus mencari peluang baharu dalam bidang infrastruktur tenaga mampu untuk mengemudi Kumpulan ke arah falsafah perniagaan yang bertanggungjawab sosial serta amalan mengurangkan penggunaan, menggunakan semula dan mengitar semula (Halaman 34, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>a) Berapakah jumlah tempahan pesanan semasa Kumpulan (sehingga 31 Oktober 2021) untuk projek yang sedang berjalan? Berapa lamakah tempahan pesanan ini dapat bertahan?</p> <p>b) Berapakah tempahan tender semasa dan penambahan tempahan pesanan yang disasarkan dalam dua tahun kewangan akan datang?</p> <p>c) Setakat ini, berapakah jumlah kontrak yang berpotensi telah diterokai oleh Kumpulan di rantau ASEAN bagi sektor tenaga boleh diperbaharui? Sila jelaskan kebarangkalian Kumpulan dianugerahkan kontrak baharu pada tahun 2022.</p> <p>d) Dalam usaha membida projek baharu untuk pasaran dalam atau luar negara, adakah dinyatakan dalam kontrak apa-apa klausa untuk melindungi Kumpulan daripada kelewatian yang disebabkan oleh pandemik Covid-19, yang berada di luar kawalan Kumpulan?</p>
Inari Amertron Bhd (AGM)	<p>Operasi Inari berkembang pesat, dengan portfolio sebanyak sepuluh (10) kilang yang terletak di seluruh Malaysia, Filipina dan China dengan jumlah keluasan binaan kira-kira 1,800,000 kaki persegi. Melangkah ke hadapan, Kumpulan akan terus merancang untuk mengembangkan kapasiti pengeluarannya dengan membina atau membeli ruang kilang. (Halaman 24, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>Apakah purata kadar penggunaan bagi kilang-kilang Kumpulan di Malaysia, Filipina dan China untuk tahun kewangan 2021 dan sehingga kini?</p>
Padini Holdings Bhd (AGM)	Portal beli-belah dalam talian Padini mengalami pertumbuhan namun teknologi bukan sahaja melibatkan aktiviti membeli-belah dalam talian. Ia juga perlu mencari kesimbangan antara menjangkau pelanggan sedia ada dan menarik pelanggan baharu. Disebabkan oleh pelbagai sekatan pergerakan, Syarikat telah meningkatkan fokus terhadap membangunkan

	<p>lagi peruncitan digital untuk menjangkau dan memanjangkan saluran pembelian bagi kemudahan pelanggannya untuk pertumbuhan di masa hadapan (Halaman 12 dan 18, Laporan Tahunan 2021).</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Sejauh manakah kejayaan perniagaan e-Dagang Kumpulan seperti kedai dalam talian di Shopee, Lazada, Facebook Live, Aplikasi Mudah Alih Padini dan sejauh mana jenama ini dikenali dalam talian?</li> <li>b) Berapakah jumlah jualan daripada e-Dagang yang menyumbang kepada jumlah pendapatan kumpulan bagi tahun kewangan 2021?</li> <li>c) Apakah metrik yang digunakan oleh lembaga pengarah untuk merekodkan kemajuan Kumpulan dalam e-Dagang?</li> <li>d) Selain itu, adakah lembaga pengarah menetapkan apa-apa sasaran jangka pertengahan bagi pengurusan dari sudut pembangunan perniagaan e-Dagangnya?</li> </ul>
Jaya Tiasa Holdings Bhd (AGM)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Penurunan nilai inventori berjumlah RM9.3 juta (2020: Tiada) (Halaman 74, Laporan Tahunan 2021)           <p>Apakah jenis inventori yang diturunkan nilai? Adakah inventori yang diturunkan nilai ini masih boleh dijual?</p> </li> <li>2. Kerugian bersih ke atas instrumen ekuiti yang ditandakan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain berjumlah RM1.9 juta (2020: keuntungan bersih RM11.9 juta) (Halaman 68, Laporan Tahunan 2021).           <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Instrumen ekuiti manakah yang menyebabkan kerugian bersih ini?</li> <li>b) Mengapakah Lembaga Pengarah meluluskan pelupusan instrumen ekuiti sedangkan ia menyebabkan kerugian?</li> </ul> </li> </ol>
Scicom (MSC) Bhd (AGM)	<p>Pada tahun kewangan 2021, Scicom mencatatkan peningkatan bersih sebanyak 19.2% atau RM34.87 juta dalam pendapatan kepada RM216.2 juta, tidak termasuk projek yang dihentikan (Halaman 39, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>Pertumbuhan dalam pendapatan sebahagian besarnya didorong oleh peningkatan pendapatan daripada pelanggan sedia ada berjumlah RM39.72 juta, selaras dengan pertambahan jumlah kiraan kepala yang boleh dibilkan untuk operasi penyumberan luar proses</p>

	<p>perniagaan dan peluasan perkhidmatan untuk pelanggan sedia ada.</p> <p>a) Menuju ke tahun kewangan 2022, apakah pemangkin yang akan memacu peningkatan pendapatan daripada pelanggan sedia ada terutama dalam pasaran tempatan Scicom iaitu di Malaysia?</p> <p>b) Disebabkan pemberhentian beberapa projek, pendapatan Scicom mencatatkan penyusutan sebanyak RM7.02 juta pada tahun kewangan 2021. Apakah kesan daripada projek yang dihentikan ini kepada pendapatan Scicom pada tahun kewangan 2022?</p>
Paos Holdings Bhd (AGM)	<p>Syarikat berjaya mengurangkan kerugian selepas cukai bagi tahun kewangan berakhir 2021 kepada RM1.15 juta daripada RM1.34 juta pada tahun sebelumnya. Syarikat mengaitkan kerugian kepada sentimen perniagaan yang lesu akibat pandemik Covid-19. (Halaman 16, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>a) Apakah tindakan yang diambil oleh Syarikat untuk memastikan ia beroleh keuntungan bagi tahun kewangan berakhir 2022?</p> <p>b) Apakah langkah yang diambil oleh Syarikat untuk mengurangkan kesan pandemik yang berpanjangan?</p>
Golden Land Bhd (AGM)	<p>Banyak operasi tertangguh disebabkan bahan-bahan seperti benih kelapa sawit, baja dan bahan kimia tidak dapat sampai ke ladang Kumpulan pada masa yang dijadualkan. Ini disebabkan kelewatan logistik yang serius di peringkat antarabangsa dan juga di Indonesia (Halaman 5, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>Sejauh manakah kelewatan logistik menjaskankan kos operasi Kumpulan? Adakah situasi ini sudah diselesaikan? Jika belum, apakah kesannya terhadap prestasi Kumpulan pada masa hadapan?</p>

#### PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, ([devanesan@mswg.org.my](mailto:devanesan@mswg.org.my))  
Linnert Hoo, Ketua, Penyelidikan & Pembangunan, ([linnert.hoo@mswg.org.my](mailto:linnert.hoo@mswg.org.my))  
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my))  
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([chee.meng@mswg.org.my](mailto:chee.meng@mswg.org.my))  
Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my))  
Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([cianyai@mswg.org.my](mailto:cianyai@mswg.org.my))  
Ranjit Singh, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ranjit.singh@mswg.org.my](mailto:ranjit.singh@mswg.org.my))  
Rita Foo, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([rita.foo@mswg.org.my](mailto:rita.foo@mswg.org.my))  
Nor Khalidah Mohd Khalil, Eksekutif, Pemantauan Korporat, ([khalidah@mswg.org.my](mailto:khalidah@mswg.org.my))

---

**PENDEDAHAN KEPENTINGAN**

Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

---

**PENOLAKAN TUNTUTAN**

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.